

Headline	22 barang kawalan sempena sambutan Aidilfitri		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	07 Jun 2018	Circulation	20,955
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	6	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 9,134
Journalist	N/A	PR Value	RM 27,402
Frequency	Daily		



# 22 barang kawalan sempena sambutan Aidilfitri

**Putrajaya:** Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan melaksanakan Skim Kawalan Harga Muslim Perayaan Hari Raya Puasa 2018, bermula 8 hingga 22 Jun ini membabitkan 22 jenis barang.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tempoh pelaksanaan skim itu adalah selama 15 hari dan ia berkuatkuasa pada tujuh hari sebelum perayaan, satu hari pada hari perayaan dan tujuh hari selepas perayaan.

Beliau berkata, skim itu akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011.

"Penentuan harga maksimum dibuat pada peringkat pengeluaran (bagi ayam dan telur ayam),

**Penentuan ini dibuat supaya penguatkuasaan kawalan harga lebih berkesan dan penawaran harga yang berpatutan untuk barang perlu bagi manfaat pengguna serta peniaga"**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

borong dan runcit dalam rantaian pengedaran mengikut kewajaran dan kesesuaian.

"Penentuan ini dibuat supaya penguatkuasaan kawalan harga lebih berkesan dan penawaran harga yang berpatutan untuk barang perlu bagi manfaat pengguna serta peniaga."

"Harga maksimum ditentukan bagi 22 barang harga terkawal di 91 buah daerah di Semenanjung; 32 buah daerah di Sarawak; 27 buah daerah di Sabah dan sebuah daerah di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan, di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerian menentukan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit berdasarkan maklumat harga daripa-

da pemantauan harga di semua daerah di seluruh negara sepanjang tahun 2017 dan pada bulan Januari hingga Mei 2018.

Dr Mahathir berkata, penentuan harga itu juga dibuat berdasarkan pandangan pelbagai agensi kerajaan iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Perikanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

## Tanda harga khas

"Kementerian juga turut berbinang dengan pengeluar, pengimpor, pembekal dan pemborong barang sebelum menetapkan harga maksimum itu," katanya.

Beliau berkata, peniaga diwajib-

kan menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan kerajaan dan meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu pada barang harga terkawal bagi membezakannya dengan barang lain.

Dr Mahathir berkata, peniaga digalakkan menjual barang itu pada harga lebih rendah daripada harga maksimum jika ia diperoleh pada harga lebih rendah.

"Peniaga juga diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011," katanya.